



RUKUN NEGARA

KANDUNGAN

RUKUN NEGARA	3
PENGENALAN	3
SEJARAH PEMBENTUKAN	
RUKUN NEGARA	6
MATLAMAT DAN OBJEKTIF	
PEMBENTUKAN RUKUN NEGARA	13
Bahagian Pertama	13
Bahagian Kedua	14
Kepercayaan Kepada Tuhan	15
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara	17
Keluhuran Perlembagaan	19
Kedaulatan Undang-Undang	21
Kesopanan dan Kesusilaan	22
KESIMPULAN	25
APA KATA MEREKA	
MENGENAI RUKUN NEGARA	28
BAHAWASANYA NEGARA	
KITA MALAYSIA	35



RUKUN NEGARA

Sumber

Jabatan Perpaduan Negara
Jabatan Penerangan Malaysia

Editor Penyelaras

Wan Abdul Halim Yaakob



BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;



MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN



RUKUN NEGARA

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut :

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN;
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA;
KELUHURAN PERLEMBAGAN;
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG;
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**





RUKUN NEGARA

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang didiami oleh rakyat pelbagai kaum, anutan agama, kebudayaan dan adat resam. Perbezaan agama, kepelbagaian budaya dan adat resam antara kaum bukanlah titik pemisah untuk rakyat terus menikmati kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Kejayaan kerajaan membangunkan sebuah masyarakat yang progresif demi kemakmuran dan kestabilan politik bertitik tolak daripada kebijaksanaan pemimpin menerapkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat.





Tanpa perpaduan, negara akan menjadi lemah dan boleh mengakibatkan kedaulatan negara terjejas, pentadbiran kerajaan berkecamuk, berlaku huru hara, rusuhan, pergaduhan antara kaum dan sebagainya. Rakyat Malaysia yang hebat adalah rakyat yang memegang teguh kepada doktrin Rukun Negara.





Lima prinsip Rukun Negara sekiranya diamalkan, dipraktikkan dan dijadikan pegangan setiap hari, mampu menjadikan seseorang itu hebat dan seterusnya mengukuhkan kedaulatan negara.





SEJARAH PEMBENTUKAN RUKUN NEGARA



Kedatangan penjajah Inggeris telah menukar pola masyarakat di negara ini. Kaedah pengurusan kaum di bawah dasar pecah dan perintah oleh Kerajaan Koloni Inggeris adalah untuk menjaga kedamaian kaum mengikut cara dan kaca mata mereka, tiga kumpulan



etnik iaitu Melayu, Cina dan India telah dipisahkan dari segi tempat tinggal dan pekerjaan, situasi ini menyebabkan hubungan di antara kaum terbatas. Keadaan ini lebih merumitkan dan telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan setiap kaum.



Kebanyakan orang Melayu tinggal di desa dan bekerja di sektor pertanian. Kaum Cina pula tinggal di bandar dan melibatkan diri dalam perniagaan manakala kaum India tinggal dan bekerja di estet-estet. Setiap kaum juga dipisahkan dari segi pendidikan dengan mempunyai sekolah aliran masing-masing tanpa sukatan pelajaran atau kurikulum yang sama.





Hubungan kaum semakin keruh apabila parti-parti politik membuat provokasi antara satu sama lain yang akhirnya menjurus kepada pergaduhan. Ia semakin serius sehingga mencetuskan Peristiwa Berdarah 13 Mei 1969. Kesan daripada peristiwa itu, kerajaan telah mencari satu formula bagi mengatasi masalah pergaduhan kaum supaya dapat dibendung dan ia tidak akan berulang lagi.

Berikutan itu, sistem kerajaan berparlimen telah digantung dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan bertujuan untuk mengembalikan keamanan, menegakkan semula undang-undang negara dan memupuk suasana harmoni serta saling mempercayai di antara masyarakat berbilang kaum di negara ini.





Anggota-anggota Majlis Perundingan Negara terdiri daripada seorang Pengerusi (Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein merangkap Pengarah MAGERAN), tiga orang menteri (Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, mendiang Tun Tan Siew Sin dan Mendiang Tun V.T Sambanthan), wakil-wakil Kerajaan Negeri dan wakil-wakil daripada tokoh-tokoh agama, badan-badan professional, perkhidmatan awam, kesatuan sekerja, wartawan, persatuan guru-guru dan wakil-wakil kumpulan kecil.



Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein



Setelah berbincang serta mengkaji sedalam-dalamnya selama beberapa bulan, Majlis Perundingan Negara telah merumuskan bahawa satu ideologi yang mampu mengatasi garis pemisah antara kaum perlu diwujudkan di negara ini. Berasaskan keputusan tersebut, maka lahirlah Rukun Negara yang telah diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara.



MATLAMAT DAN OBJEKTIF PEMBENTUKAN RUKUN NEGARA

Rukun Negara terbahagi kepada dua bahagian:-

Bahagian Pertama

Menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang mahu dibentuk:-

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat,
- Memelihara satu cara hidup demokratik,
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama,
- Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak, dan
- Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.



Bahagian Kedua

Menggariskan Lima Prinsip Rukun Negara yang berikut:-

1. Kepercayaan Kepada Tuhan
2. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
3. Keluhuran Perlembagaan
4. Kedaulatan Undang-Undang
5. Kesopanan dan Kesusilaan



Kepercayaan Kepada Tuhan

- Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam adalah agama rasmi Persekutuan.
- Tindakan membeza-bezakan terhadap seseorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang sama sekali.
- Agama-agama dan kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana bahagian di dalam Persekutuan.
- Bangsa dan negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan.
- Ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang dan juga sesuatu peradaban bangsa dan negara.



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V**



Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

- Setiap warganegara hendaklah menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- Di peringkat negeri pula, rakyat dikehendaki menumpukan taat setia kepada raja yang memerintah negeri tempat mereka bermastautin tanpa mengurangkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.





Keluhuran Perlembagaan

- Fungsinya untuk memberi perlindungan kepada setiap rakyat negara ini akan hak dan keistimewaan mereka sebagai warganegara.
- Setiap warganegara Malaysia dikehendaki menghormati, menghargai, memahami maksud dan kandungan serta latar belakang sejarah.
- Perlembagaan negara ini telah digubal berasaskan kesepakatan semua kaum dan semua pihak di negara ini.
- Ianya adalah kontrak sosial rakyat yang tidak boleh dipersoalkan dan diganggu gugat oleh mana-mana individu atau mana-mana pihak.
- Merupakan sumber rujukan bagi segala hal yang berkaitan dengan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosioekonomi rakyat.





Kedaulatan Undang-Undang

- Menjamin kehidupan anggota masyarakat dapat bergerak lancar dan teratur tanpa sebarang kekacauan, di mana semua anggota masyarakat akan merasa selamat.
- Hak-hak semua rakyat boleh diamalkan dengan bebas asalkan tidak melanggar undang-undang serta perkara-perkara sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan.
- Hak-hak dan kebebasan yang dijamin oleh Perlembagaan itu tidaklah termasuk hak menggulingkan kerajaan sama ada dengan kekerasan atau dengan cara-cara yang tidak menurut Perlembagaan.



Kesopanan dan Kesusilaan

- Membentuk warga yang bersopan santun dan bersusila selaras dengan kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni. Individu yang bersopan santun dan bersusila adalah amat penting dalam konteks perhubungan pelbagai kaum di negara ini.
- Mengutuk tingkah laku atau perbuatan yang angkuh atau menyinggung perasaan seseorang atau sesuatu golongan.
- Prinsip ini menjadi panduan supaya perilaku masyarakat sentiasa terpelihara dan berkembang sesuai dengan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni.





- Kesopanan dan kesusilaan dapat dilihat pada tingkah laku dan tutur kata seseorang.
- Membentuk individu berdisiplin dan bermoral yang akan membantu mewujudkan sesebuah masyarakat yang baik, berbudi bahasa, bersopan santun dan bersusila serta dapat mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.





KESIMPULAN

Perpaduan kaum adalah asas yang kukuh dan matlamat penting yang ingin dicapai oleh semua negara termasuklah Malaysia. Ia penting kerana tanpa perpaduan, sesebuah negara itu akan menjadi lemah, sukar untuk dibangunkan dan mudah diancam sama ada oleh anasir kuasa luar mahupun dalam negara itu sendiri.





Rukun Negara diwujudkan rentetan daripada peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969. Tragedi ini telah membuka mata dan menyedarkan kita semua, betapa peri pentingnya bersatu padu dan hidup dengan aman dan damai serta menghindari sifat curiga mencurigai antara satu sama lain.





Mengamalkan Rukun Negara akan melahirkan masyarakat yang bersatu padu, muhibah tanpa mengira kaum serta bersikap saling hormat menghormati. Melalui perpaduan yang mampan akan dapat membantu negara mempertingkatkan dan mempergiatkan lagi daya saing pertumbuhan ekonomi, mengekalkan kestabilan politik dan sistem pemerintahan negara yang demokratik berlandaskan acuan yang termaktub dalam Rukun Negara.






APA KATA MEREKA MENGENAI RUKUN NEGARA

"Patriotisme Malaysia tidak hanya dilambangkan melalui perlambangan bendera, Jata Negara atau logo semata-mata tetapi patriotisme Malaysia perlulah mempunyai nilai-nilai murni serta berlandaskan Rukun Negara, Perlembagaan Malaysia dan ajaran agama yang menjadi pegangan kaum masing-masing."

YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
Perdana Menteri Malaysia



Tun Dr. Mahathir bin Mohamad



“Kepercayaan kepada Tuhan adalah elemen penting dalam membentuk kerohanian (spiritual), sahsiah dan pegangan pada setiap masyarakat Malaysia yang ada pada hari ini.”


*Encik Ahmad Badaruddin Haji Abdul Haq
Penjawat Awam*





“Yang di-Pertuan Agong adalah lambang kedaulatan dan perpaduan rakyat negara ini tanpa mengira bangsa, keturunan serta anutan agama. Kesetiaan kepada Raja dan Negara wajar dipatuhi tanpa berbelah bahagi.”

Encik Aidi Effendy Haji Othman
Kakitangan Swasta





“Sebagai rakyat hendaklah menerima, menghormati serta memahami maksud dan latar belakang sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan. Ia digubal berdasarkan kesepakatan semua kaum dan semua pihak di negara ini agar sentiasa kekal relevan sepanjang zaman.”

Encik Hamzah Madi

Guru





“Mematuhi Undang-undang mampu menjamin keharmonian masyarakat dan keselamatan negara akan lebih terjamin. Justeru itu setiap rakyat adalah sama tarafnya disisi undang-undang negara agar keamanan dan ketenteraman dapat dinikmati bersama-sama.”

Encik Selvaraj Subramaniam
Penjawat Awam



“Sopan santun dan bersusila adalah nilai murni yang paling bermakna dan amat penting dalam konteks perhubungan kaum antara satu dengan yang lain dalam menyemai semangat keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini.”

Encik Lim Kim Wah
Pesara

AMALAN HIDUP RAKYAT MALAYSIA **RUKUN NEGARA**

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut :

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



www.penerangan.gov.my
<http://pmp.penerangan.gov.my>



penerangan



JapenMsia



fotopenerangan



JPenerangan



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA

Diterbitkan oleh
Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)

Laman web : www.penerangan.gov.my

Portal : pmr.penerangan.gov.my

E-mel : webmaster@inform.gov.my

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO: MY-AR5240
B.026 (B.M) OGOS 2018 (030.)

